

Ruj. Fail : MBSJ.KP.100-6/1/1 Jld.2( )

**MINIT MESYUARAT PENUH  
MAJLIS BANDARAYA SUBANG JAYA  
BIL. 11 TAHUN 2022**

**Tarikh** : **30 November 2022 (Rabu)**

**Masa** : **10.00 pagi – 12.00 tengah hari**

**Tempat** : **Bilik Mesyuarat Kenanga**

**Kehadiran** : **Seperti di Lampiran A**

**1.0 BACAAN DOA**

Mesyuarat dimulakan dengan bacaan doa oleh Encik Syed Fadleindra bin Syed Alias, Pengacara Majlis.

**2.0 TAYANGAN PROGRAM MAJLIS BULAN NOVEMBER 2022**

Tayangan video sorotan program dan aktiviti sepanjang bulan November 2022 dipaparkan kepada ahli mesyuarat.

### **3.0 PERUTUSAN DATUK BANDAR**

Datuk Bandar memulakan mesyuarat dengan mengucapkan salam kepada semua yang hadir dan memaklumkan bahawa mesyuarat kali ini merupakan Mesyuarat Penuh Majlis Bandaraya Subang Jaya kali yang kesebelas tahun 2022. Seterusnya pemakluman beberapa perkara seperti berikut :

- i) Datuk Bandar mengucapkan terima kasih kepada semua pihak yang terlibat di dalam proses pilihanraya umum yg ke 15 terutama Pihak Polis Diraja Malaysia, Kementerian Pendidikan, Kementerian Kesihatan serta semua petugas yang terlibat.

Hari pengundian bagi Pilihan Raya Umum Malaysia ke-15 telah diadakan pada 19 November 2022 dan MBSJ turut terlibat dalam PRU kali ini dengan menguruskan 2 kawasan Parlimen iaitu P.103 (Puchong) dan P.104 (Subang) serta semua proses yang melibatkan pengundian pos, pengundian awal dan hari pengundian telah berjalan dengan lancar dan teratur.

MBSJ merakamkan ucapan tahniah kepada Yang Amat Berhormat Dato' Seri Anwar bin Ibrahim yang telah dilantik sebagai Perdana Menteri Malaysia ke-10 menerajui Kerajaan Perpaduan pada 24 November 2022, Hari Khamis.

Sebagai penjawat awam, semua warga MBSJ akan terus bertindak secara profesional dan berpegang teguh kepada prinsip *neutrality* terhadap kerajaan yang dilantik.

Di dalam Majlis Perjumpaan bersama warga Jabatan Perdana Menteri pada Selasa 29 November 2022, YAB Perdana Menteri menegaskan bahawa perkhidmatan awam seharusnya bebas, bersikap profesional serta terikat kepada semangat perkhidmatan untuk menjadi manusia yang berguna kepada keluarga dan masyarakat. YAB Perdana Menteri juga menyatakan bahawa, 'Dalam sejarah sesebuah Negara, Kerajaan akan silih berganti begitu juga Perdana Menteri namun penjawat awam sebagai tonggak mentadbir dan mengurus itu adalah kekal dengan maksud mengangkat satu sistem dengan peraturan dan Negara yang tegak dengan hukum'.

- ii) Datuk Bandar juga memaklumkan bahawa Menteri Besar Selangor, YB Datuk Seri Amirudin bin Shari, telah membentangkan Belanjawan Selangor 2023 pada 25 November 2022. Bagi tahun 2023 Kerajaan Negeri menganggarkan hasil yang boleh dikutip berjumlah RM 2 bilion. Antara penyumbang utama kepada hasil Negeri tahun 2023 adalah premium tanah sebanyak RM 753.72 juta bersamaan 38 peratus daripada anggaran hasil keseluruhan, diikuti hasil cukai tanah sebanyak RM570.51 juta (29 peratus) dan pemberian Persekutuan berjumlah RM214.81 juta (11 peratus).

Bajet kali ini bertema '#KitaSelangor : Melonjak Kemajuan, Mengerat Perpaduan, Menjayakan Harapan' telah memperuntukkan sebanyak RM 2.45 bilion merangkumi RM1.25 bilion (51 peratus) untuk perbelanjaan mengurus dan RM1.20 bilion untuk perbelanjaan pembangunan (49 peratus) pada tahun 2023.

Kerajaan Selangor menggariskan lima teras utama iaitu mengukuhkan pertumbuhan ekonomi, membudaya perpaduan dan masyarakat penyayang, pendidikan dan pembangunan generasi masa depan, kehidupan lestari dan sejahtera serta tadbir urus cekap dan bertanggungjawab.

Kerajaan Negeri juga tidak melupakan anggota yang berkhidmat di bawah pentadbiran Negeri dengan mengumumkan Bantuan Khas Kewangan ( BKK ) tahun 2022 sebanyak dua bulan setengah. Warga kerja MBSJ mengucapkan terima kasih kepada Kerajaan Negeri yang menghargai usaha dan penat lelah dalam memberikan perkhidmatan yang gemilang kepada rakyat di kawasan pentadbiran Majlis. Bantuan ini akan dibayar berperingkat iaitu bayaran sebulan gaji pada 29 Disember 2022, setengah bulan gaji pada bulan Februari 2023 bagi meringankan beban menjelang pembukaan sekolah manakala sebulan gaji lagi telah dibayar pada Rahmah Ramadan yang lepas.

- iii) Datuk Bandar juga memaklumkan bahawa MBSJ telah menyertai National Planning Congress (NPC) yang diadakan pada

7 November 2022 bertempat di Hotel Marriot, Putrajaya dengan tema “*Livable Malaysia: Transforming Our Cities for A Better Urban Future - Planning Towards 2050*”.

Objektif penganjuran ini adalah bagi membincangkan isu-isu semasa serta berkongsi idea dan pengalaman berkaitan perancangan bandar terutama sekali bagi mendepani cabaran perancangan bandar ke arah tahun 2050.

MBSJ telah menjadi rakan kongsi strategik NPC 2022 bersama Majlis Bandaraya Petaling Jaya serta United Nations International Children’s Emergency Fund (Unicef) di mana MBSJ telah menyumbang sejumlah RM80,000.00 serta membuka booth pameran dalam usaha bagi memberi pengetahuan tentang projek yang dilaksanakan oleh MBSJ seperti *Green House Gas Inventory Management System (GIMS)* dan *Executive Information System (EIS)*.

Selain itu, MBSJ juga telah mengendalikan dua sesi forum yang mendapat sambutan menggalakkan daripada peserta NPC 2022. Forum tersebut membincangkan tentang dua topik utama iaitu *Science Based Climate Action* dan *Climate Change Impact on Public Health*.

Plenary 3 yang dihoskan oleh Majlis Bandaraya Subang Jaya melibatkan 2 forum iaitu Forum 1 : *Science Based Climate Action* dan Forum 2 : *Climate Change Impact On Public Health*.

Bagi Forum 1, moderator yang mengacara perbincangan ini adalah Prof. TPr Dr. Jamalunlaili bin Abdullah daripada UiTM, bersama 3 panel jemputan melibatkan Datuk Bandar Majlis Bandaraya Subang Jaya, Dato' Ir. Hj Nor Hisham bin Mohd Ghazali dan Encik Ismail bin Hj Abdullah.

Bagi Forum 2 yang dihoskan oleh MBSJ melibatkan moderator daripada Jabatan Perancangan Bandar MBSJ iaitu TPr Ismail bin Muhamad, Pengarah Perancang Bandar MBSJ bersama 3 panel jemputan iaitu Dr. Helmi bin Zakariah, Pengarah SELANGKAH, Dr. Yamuna Rajoo, Pegawai Teknikal Majlis Penasihat Kesihatan Awam Selangor (SELPHAC) dan Encik Wari bin Jaafar, Ketua Pembangunan Produk (Bersepadu) Sime Darby Property Berhad.

MBSJ berbesar hati menganjurkan forum bertajuk Tindakan Iklim Berasaskan Sains dan Kesan Perubahan Iklim Terhadap Kesihatan Awam. Kedua-dua forum ini berjaya mendapat sambutan ramai daripada pelbagai sektor. Dalam forum ini, turut dikongsikan tindakan MBSJ dalam menghadapi perubahan iklim berasaskan sains, antaranya berdasarkan daripada Pelan Strategik MBSJ 2035 iaitu tadbir urus bandar yang baik, perancangan dan pembangunan bandar yang mampan dan mesra alam, pembangunan sosio-

ekonomi untuk meningkatkan kesejahteraan masyarakat, mobiliti dan akses kepada komuniti dan tempat serta masyarakat yang saksama dan inklusif.

Elemen-elemen ini penting untuk MBSJ ke arah bandar mampan yang bersedia menghadapi perubahan iklim. Kesemua prinsip yang dinyatakan ini adalah sebahagian daripada matlamat *Sustainable Development Goal (SDG)*, selaras dengan dasar negara dan juga negeri Selangor.

Selain itu juga, MBSJ mengambil pendekatan bersepadu dengan memperkasakan penglibatan masyarakat bagi mencapai agenda mampan MBSJ. Melalui usaha ini, MBSJ telah menganjurkan seminar '*Science-based Climate Action Approach*' yang telah dihadiri oleh pihak berkepentingan dengan misi utama iaitu mengurangkan pelepasan karbon di Subang Jaya.

MBSJ menggunakan pendekatan pengukuran tahap *Intergovernmental Panel on Climate Change (IPCC)* untuk ukuran luas bandar dan menggunakan Protokol Global untuk Inventori Pelepasan Gas Rumah Hijau – Global Protocol Carbon(GPC) berskala Komuniti seperti yang disyorkan oleh *National Low Carbon Cities Masterplan (NLCCM)*. Perincian ukuran jejak karbon di Subang Jaya akan mendorong kepada pengumpulan data yang komprehensif seterusnya dapat dijadikan sebagai langkah mitigasi bagi menyelesaikan isu-isu utama di kawasan pentadbiran Majlis.

Sebagai langkah proaktif, MBSJ bersama rakan kongsi iaitu *International Green Trends Cockpit (IGTC)* telah membangunkan perisian inventori sistem pengurusan inventori gas rumah hijau atau ringkasnya dikenali sebagai *Green House Gas Inventory Management System (GIMS)*.

MBSJ juga merupakan PBT yang terawal menghasilkan *Voluntary Local Review Report (VLR)* pada tahun 2021. Melalui penyediaan VLR ini, ia menunjukkan MBSJ sebagai salah satu PBT yang komited untuk mencapai matlamat pembangunan mampan. Selain itu, Subang Jaya juga menggunakan konsep *Transit Oriented Development (TOD)* kepada semua pembangunan baru.

Untuk menjadikan mobiliti lebih cekap dan mengurangkan jejak karbon dalam sektor pengangkutan, MBSJ telah menggunakan konsep sistem transit berasaskan bas berkualiti tinggi yang memberikan perkhidmatan pantas, selesa dan menjimatkan kos pada kapasiti peringkat metro atau secara teknikal dipanggil *Bus Rapid Transit (BRT)*. Subang Jaya merupakan bandar pertama yang mempunyai BRT sistem di Malaysia.

Perancangan masa hadapan MBSJ untuk mitigasi dan inisiatif adaptasi bagi perubahan iklim adalah dengan mengambil pendekatan kemampanan tanggungjawab bersama oleh semua pihak berkepentingan di bandar.



Bagi mencapai konsep ini, MBSJ akan menganjurkan lebih banyak program kesedaran, pembinaan kapasiti dan program awam serta bekerjasama rapat dengan semua pihak swasta. MBSJ sangat bertuah kerana di Subang Jaya mempunyai banyak organisasi dan pembangunan yang sudah mampan dalam operasi mereka.

Dikenali sebagai hab pendidikan Selangor, MBSJ boleh berbangga kerana terdapat banyak universiti dan kolej di Subang Jaya diperakui sebagai bangunan hijau dan kampus hijau. Ini akan memberi kelebihan dalam mempromosikan inisiatif hijau serta menggalakkan inisiatif hijau kepada generasi muda.

Daripada kajian yang telah dilakukan di peringkat Negeri, data menunjukkan bahawa lebih daripada 90% pelepasan jejak karbon adalah daripada aktiviti sektor swasta. Oleh itu, tanpa penyertaan mereka, MBSJ tidak dapat mengurangkan jejak karbon bandar dan untuk mencapai kemampanan pada masa hadapan. Untuk menjadi relevan dan setanding dengan bandar antarabangsa yang lain, MBSJ juga telah menetapkan sasaran untuk menjadi sifar pelepasan karbon bersih menjelang 2050. MBSJ yakin akan dapat mencapai misi sifar karbon berdasarkan rancangan semasa dan dengan sokongan daripada sektor swasta.

- iv) Datuk Bandar turut mengambil peluang merakam ucapan setinggi-tinggi tahniah di atas kejayaan pasukan inovasi MBSJ meraih anugerah *Gold Medal* dalam '*International Convention on QC Circles (ICQCC) 2022*' yang berlangsung pada 15-18 November 2022 bertempat di Mercure Convention Center Ancol dan Discovery Hotel, Ancol, Jakarta anjuran Indonesia Quality Management Association (IQMA).

Bertemakan '*Build Back Better through Quality Efforts*', ICQCC pada tahun ini telah disertai sejumlah 278 pasukan daripada lapan buah negara iaitu India (164 pasukan), Malaysia (63 pasukan), Indonesia (22 pasukan), Thailand (13 pasukan), Bangladesh (7 pasukan), Zambia (4 pasukan), Sri Lanka (3 pasukan) dan Singapura (2 pasukan).

MBSJ telah menghantar dua pasukan iaitu kumpulan KwXpress daripada Jabatan Bangunan dengan projek inovasi Kira Sendiri Fi Anda (KISFA), manakala kumpulan Life Saver daripada Jabatan Pembangunan Masyarakat dengan projek Modul Pembangunan Kebun Komuniti Berdaya.

- v) Seterusnya pemakluman berkenaan Pelan Antirasuah Majlis Bandaraya Subang Jaya 2022-2026. Tidak dapat dinafikan penjawat awam akan sentiasa terdedah kepada peluang dan ruang yang boleh menjejaskan integriti seperti rasuah, salahguna kuasa dan sebagainya.

MBSJ amat komited dalam memastikan warga kerja sentiasa berintegriti dalam melaksanakan tugas dan tanggungjawab. MBSJ telah melancarkan Pelan Antirasuah Majlis Bandaraya Subang Jaya 2022-2026 pada 24 November 2022. Pelancaran ini turut disaksikan oleh rakan sinergi MBSJ yang terdiri daripada SPRM Putrajaya, SPRM Negeri Selangor, IPD Subang Jaya, IPD Serdang, AADK Daerah Petaling, Institut Integriti Malaysia dan Unit Integriti Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor.

Kerajaan Negeri Selangor telah menetapkan semua agensi di bawah pentadbirannya membangunkan Pelan Antirasuah Organisasi manakala keputusan Mesyuarat Jawatankuasa Antirasuah Peringkat Kebangsaan Siri 8 Bil.1/2022 bertarikh 27 Jun 2022 pula menetapkan agar pelaksanaan Sistem Pengurusan Antirasuah atau *Anti-Bribery Management System (ABMS)* diwajibkan di setiap agensi kerajaan.

Syukur Alhamdulillah MBSJ telah memiliki kedua-duanya iaitu Pelan Antirasuah Organisasi serta pengiktirafan Pensijilan Sistem Pengurusan Antirasuah (ABMS) di mana MBSJ juga merupakan agensi pertama di Negeri Selangor yang memperolehi Pensijilan ABMS setelah menyertai projek perintis ABMS yang bermula pada tahun 2017.

Matlamat membanteras rasuah juga selaras dengan Matlamat Pembangunan Mampan (*Sustainable Development Goals - SDG*) iaitu SDG 16: *Peace and Justice* yang mempromosikan masyarakat yang aman dan inklusif untuk pembangunan mampan, memberikan akses kepada keadilan untuk semua dan dan membina organisasi yang berkesan, bertanggungjawab dan inklusif di semua peringkat. Pelan Antirasuah MBSJ 2022-2026 menjadi satu anjakan paradigma ke arah melahirkan warga kerja yang bekerja dengan berintegriti tinggi dan membentuk ekosistem bebas rasuah.

Pelan Antirasuah MBSJ ini merupakan pelan strategik yang penting untuk pihak Majlis melaksanakan Dasar Antirasuah yang menggunakan Dasar Toleransi Sifar / *Zero Tolerance Policy* kepada segala bentuk rasuah, salah guna kuasa dan penyelewengan. Pelaksanaannya bagi tempoh lima tahun amat signifikan dalam mencerminkan harapan pemegang taruh serta rakyat dalam membentuk sebuah organisasi yang bebas rasuah dengan pembudayaan ketelusan, akauntabiliti dan integriti.

MBSJ berharap dengan pelaksanaan pelan ini, imej dan kualiti perkhidmatan awam dapat ditingkatkan ke arah memberi perkhidmatan terbaik kepada pelanggan dan rakyat seterusnya mencapai matlamat menjadikan penjawat awam MBSJ lebih efisien dan responsif dalam memberikan perkhidmatan kelas pertama.

Di samping itu, pembangunan pelan ini juga dapat membantu pihak Majlis menangani isu *governans*, integriti dan rasuah secara menyeluruh.

Selaras dengan inisiatif yang dilaksanakan, Pelan Antirasuah MBSJ ini juga mencerminkan komitmen pengurusan tertinggi, Ahli Majlis dan warga kerja MBSJ dalam menentang isu rasuah, salah guna kuasa dan penyelewengan serta dapat menyepadukan usaha-usaha pencegahan rasuah dan penjajaran strategi dalam satu pelan yang khusus untuk menjadikan MBSJ sebagai organisasi yang tidak bertoleransi terhadap isu-isu rasuah, salah guna kuasa dan penyelewengan.

Dengan adanya usaha pengukuhan integriti dan penambahbaikan berterusan melalui inisiatif dan pelan tindakan yang rapi serta sokongan daripada rakan agensi, tidak mustahil MBSJ akan menjadi sebuah organisasi bebas rasuah pada satu hari nanti.

- vi) Datuk Bandar memaklumkan bahawa Majlis kekal komited untuk mengambil tindakan tegas terhadap sebarang pelanggaran di bawah Akta dan Undang-Undang Kecil Majlis dalam usaha mencapai Bandaraya yang mampan dan bestari serta membangunkan masyarakat yang madani.

Pada 25 November 2022, MBSJ telah berjaya merekodkan 3 sabitan yang melibatkan kesalahan di bawah Akta Jalan, Parit dan

Bangunan 1974 (Akta 133) iaitu menyenggara gerai di tempat awam.

Individu tersebut telah didakwa di atas 3 pertuduhan di bawah Seksyen 46(1)(a) Akta Jalan, Parit dan Bangunan 1974 (Akta 133) yang membawa hukuman denda maksimum sebanyak RM 500.00. Majistret Mahkamah Majistret (Munisipal) Subang Jaya telah menjatuhkan hukuman denda maksimum sebanyak RM 500.00 bagi setiap satu pertuduhan.

Tindakan ini adalah selaras dengan Matlamat 16 Matlamat Pembangunan Mampan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu ataupun *United Nations Sustainable Development Goals* (UNSDG) iaitu Keamanan, Keadilan dan Pertubuhan Kukuh. Matlamat ini mempromosikan masyarakat yang aman dan menyeluruh demi pembangunan mampan dan membina institusi yang berkesan, dipercayai dan menyeluruh pada semua tahap.

Pihak Majlis memandang serius peningkatan tindakan individu-individu yang tidak bertanggungjawab mendirikan gerai makanan secara haram di atas jalan awam yang bukan sahaja boleh mengancam keselamatan pengguna jalan raya, memudaratkan kesihatan masyarakat tetapi juga menyebabkan kacau ganggu kepada pengguna lalu lintas.

Sehubungan itu, penjaja digesa agar sentiasa mematuhi semua peruntukan undang-undang dan pihak Majlis tidak akan teragak-agak untuk mengambil tindakan Mahkamah ke atas mana-mana pesalah yang masih gagal patuh kepada undang-undang.

Pihak Majlis sentiasa menitikberatkan kesejahteraan penduduk di kawasan Majlis Bandaraya Subang Jaya dan orang ramai digesa untuk membuat laporan terhadap mana-mana aktiviti pembuangan sampah secara haram yang dijalankan di kawasan Majlis.

- vii) Datuk Bandar turut memaklumkan MBSJ akan merasmikan Tapak Kendera Saji Dataran Millenium SS13, Subang Jaya pada 2 Disember 2022 (Jumaat), jam 8.00 hingga 10.00 malam bertempat di Dataran Millenium SS13, Jalan SS13/1A, Subang Jaya.

Tapak Kendera Saji Dataran Millenium SS13, Subang Jaya akan dibuka jam 5.30 petang hingga 12.00 malam pada Hari Isnin hingga Khamis manakala operasinya dilanjutkan kepada jam 12.30 malam pada hari Jumaat hingga Ahad.

Tapak ini diadakan bagi memberi peluang kepada usahawan mikro kendera saji (*food truck*) untuk menjana pendapatan selain mempromosikan menu jualan makanan dan minuman. Pihak penganjur Tapak Suvarnabumi Sdn Bhd merupakan pengendali Food Truck Park yang pertama di Malaysia dan telah memulakan perniagaan TAPAK Urban Street Dining sejak tahun 2016

berkonsepkan tempat makan terbuka dan menjadikan Tapak *Smart Trak* ini sebagai tarikan baharu kepada pengunjung di samping kemudahan yang diberikan kepada peniaga dan pelanggan adalah moden, selamat dan bersih.

- viii) Datuk Bandar memaklumkan bahawa dalam usaha untuk meningkatkan pengetahuan dan kesedaran terhadap penyakit AIDS terutamanya di kalangan golongan belia dan remaja, pihak Majlis telah mengambil inisiatif menganjurkan Karnival Kesihatan Sempena Hari AIDS Sedunia 2022 dengan kerjasama daripada Pejabat Kesihatan Daerah (PKD) Petaling.

Selaras dengan tema Hari AIDS Sedunia iaitu "*Equalize*" atau "Menyamakan" pihak Majlis menjemput seluruh komuniti di bawah kawasan pentadbiran MBSJ bagi memberi pendedahan mengenai penyakit HIV/AIDS sekaligus menggalakkan pesakit untuk mendapatkan rawatan dan nasihat doktor.

Program ini akan dilaksanakan pada 3 Disember 2022 (Sabtu), jam 7.30 pagi hingga 1.00 petang bertempat di Taman Tasik Wawasan Puchong menyasarkan seluruh komuniti Subang Jaya dan penduduk sekitar. Pelbagai aktiviti menarik akan diadakan seperti aktiviti zumba, saringan kesihatan, pameran kesihatan, pertandingan *explorace*, pertandingan mewarna kanak-kanak, sesi perkongsian pengalaman, jualan street food, bicara santai serta sesi soal jawab bersama para peserta. Semoga usaha bersepadu



ini dapat mewujudkan sebuah komuniti yang sihat dan lestari sekaligus mencapai sasaran mengakhiri AIDS menjelang 2030.

- ix) Datuk Bandar memaklumkan berkaitan penganjuran Hari Tanpa Kenderaan yang dijenamakan sebagai Program Selamat Pagi Subang Jaya. Program #selamatpagisubangjaya bagi bulan Disember akan diadakan pada 4 Disember 2022 (Ahad) iaitu pada setiap minggu pertama bertempat di Jalan Kemajuan, Subang Jaya berhadapan Aeon Big dan Subang Parade bermula jam 7.00 pagi hingga 11.00 pagi.

Penganjuran program ini merupakan inisiatif yang dijalankan oleh MBSJ bagi mencapai sasaran penurunan karbon di kawasan bandar raya. MBSJ telah menyediakan pelbagai aktiviti menarik berkonsepkan gaya hidup sihat (sukan dan riadah) kepada anggaran seramai 1,500 komuniti bandar raya Subang Jaya yang hadir. Antara aktiviti yang dijalankan adalah pesta makanan pagi, pertandingan *buskers*, pertandingan mewarna, *push bike*, demo memasak, aktiviti memanah, aktiviti kolam air permainan kanak-kanak, kempen cara penjagaan gigi untuk orang dewasa dan kanak-kanak, permainan kereta elektrik, demonstrasi bola keranjang dan lain-lain lagi.

Warga kerja serta penduduk di kawasan pentadbiran Majlis dijemput hadir beramai-ramai bagi memeriahkan dan menyokong program ini.

- x) Datuk Bandar juga memaklumkan mengenai situasi semasa demam denggi di MBSJ. Sehingga Minggu 47 iaitu antara 20 hingga 26 November 2022 terdapat sebanyak 4,000 kes positif demam denggi dengan 4 lokaliti *hotspot* denggi dilaporkan di kawasan pentadbiran MBSJ. 4 lokaliti hotspot denggi di kawasan pentadbiran MBSJ yang dikesan ialah di lokasi Kota Perdana 4 (Pangsapuri Mawar Jaya) melibatkan 6 kes (33 hari), Taman Pinggiran Putra (Pangsapuri Vista Pinggiran) melibatkan 7 kes (34 hari), Taman Lestari Putra 3 melibatkan 8 kes, (34 hari) dan Taman Bukit Serdang 3 melibatkan 10 kes, (44 hari).

Hasil pemantauan di lokaliti kes demam denggi mendapati antara tempat-tempat yang kerap dijumpai tempat pembiakan adalah di lorong-lorong belakang, kebun komuniti yang diusahakan oleh penduduk setempat dan kawasan longgokan sampah yang dibuang oleh penduduk.

Dijangkakan akan berlaku lonjakan kes demam denggi di seluruh Malaysia pada tahun 2023. Oleh itu, masyarakat diingatkan dan diminta untuk terus memastikan kawasan dan persekitaran premis masing-masing bebas dari tempat pembiakan aedes dengan meluangkan masa sekurang-kurangnya 10 minit seminggu sekali mencari dan memusnahkan tempat-tempat pembiakan.

Masyarakat juga dinasihatkan untuk membuat semburan aerosol di dalam premis dan menggunakan repellan apabila keluar terutama mereka yang tinggal di kawasan wabak denggi.

#### **4.0 PENGESAHAN MINIT MESYUARAT PENUH MAJLIS BANDARAYA SUBANG JAYA BIL. 10/2022**

Minit Mesyuarat Penuh Majlis Bandaraya Subang Jaya Bil. 10/2022 bertarikh 27 Oktober 2022 (Khamis) disahkan tanpa pindaan.

#### **5.0 MAKLUM BALAS MESYUARAT PENUH MAJLIS BANDARAYA SUBANG JAYA BIL. 10/2022**

Maklum balas Mesyuarat Penuh Majlis Bandaraya Subang Jaya Bil. 10/2022 bertarikh 27 Oktober 2022 (Khamis) disahkan tanpa pindaan.

#### **6.0 PEMBENTANGAN LAPORAN MESYUARAT JAWATANKUASA**

##### **6.1 Laporan Mesyuarat Jawatankuasa Audit dan Pengurusan Korporat Majlis Bandaraya Subang Jaya bil. 5/2022 bertarikh 4 November 2022**

-----  
Setelah meneliti dan berbincang, mesyuarat telah bersetuju menerima laporan dan keputusan yang terkandung dalam laporan tersebut.

**6.2 Laporan Mesyuarat Jawatankuasa Infrastruktur, Pengangkutan dan Kemudahan Awam Majlis Bandaraya Subang Jaya bil. 12/2022 bertarikh 9 November 2022**

-----

Setelah meneliti dan berbincang, mesyuarat telah bersetuju menerima laporan dan keputusan yang terkandung dalam laporan tersebut.

**6.3 Laporan Mesyuarat Jawatankuasa Pusat Setempat (OSC) Perancangan dan Pembangunan Majlis Bandaraya Subang Jaya bil. 20/2022 bertarikh 27 Oktober 2022**

-----

Setelah meneliti dan berbincang, mesyuarat telah bersetuju menerima laporan dan keputusan yang terkandung dalam laporan tersebut.

**6.4 Laporan Mesyuarat Jawatankuasa Pusat Setempat (OSC) Perancangan dan Pembangunan Majlis Bandaraya Subang Jaya bil. 21/2022 Bertarikh 10 November 2022**

-----

Setelah meneliti dan berbincang, mesyuarat telah bersetuju menerima laporan dan keputusan yang terkandung dalam laporan tersebut.

## 6.5 Laporan Mesyuarat Jawatankuasa Kewangan Majlis Bandaraya Subang Jaya Bil. 11/2022 Bertarikh 10 November 2022

Setelah meneliti dan berbincang, mesyuarat telah bersetuju menerima laporan dan keputusan yang terkandung dalam laporan tersebut dengan cadangan seperti yang berikut :

Bil	Para & M/Surat	Ahli Majlis	Perkara	Cadangan
1.	Para 5.5 & m/s 9	Tuan Ar. Kamarul Hisham bin Hj.Yeop Hashim	Majlis Anugerah Perwakilan Penduduk (MPP) Majlis Bandaraya Subang Jaya Tahun 2022	Beliau mencadangkan supaya MBSJ turut menjemput Ahli Majlis yang berkhidmat sepanjang tahun 2022 tetapi telah meletak jawatan sebagai menghargai jasa mereka.  <b>Maklum balas mesyuarat:</b>  Mesyuarat meminta Jabatan meneliti cadangan tersebut.  <b>Tindakan :</b> <b>Jabatan Pembangunan Masyarakat</b>

## 6.6 Laporan Mesyuarat Jawatankuasa Perancang Bandar Majlis Bandaraya Subang Jaya Bil. 3/2022 Bertarikh 14 November 2022

Setelah meneliti dan berbincang, mesyuarat telah bersetuju menerima laporan dan keputusan yang terkandung dalam laporan tersebut dengan pindaan seperti yang berikut :

Bil	Para & M/Surat	Ahli Majlis	Perkara	Cadangan
1.	Para 3.1 & m/s 2	Encik Wong Yii Seang	Penilaian Impak Sosial Untuk Cadangan Pembangunan Taman Peringatan Di Atas PT 424, PT 425, PT 426, PT 427 Dan Tanah Kerajaan, Jalan Besar Serdang Lama	Beliau mencadangkan supaya MBSJ melaksanakan lebih banyak dialog atau <i>Focus Group Discussion</i> (FGD) kepada penduduk sekitar untuk membincangkan tentang cadangan pembangunan supaya semua pihak berpuas hati dan isu yang dibangkitkan penduduk dapat diselesaikan.  <b>Maklum balas mesyuarat:</b>  Mesyuarat memaklumkan projek ini belum dilaksanakan dan akan terdapat beberapa

Bil	Para & M/Surat	Ahli Majlis	Perkara	Cadangan
				<p>lagi sesi dialog bersama penduduk akan dilaksanakan.</p> <p style="text-align: right;"><b>Makluman</b></p>
2.	Para 4.3 & m/s 7	Encik Wong Yii Seang	Kertas Terma Rujukan Kajian Rancangan Kawasan Khas Seri Kembangan	<p>Beliau mencadangkan supaya MBSJ meneliti aktiviti sedia ada yang bermanfaat dan berfaedah di kawasan Seri Kembangan seperti trek mendaki serta kolam memancing dan meminta supaya aktiviti yang berfaedah ini dikekalkan.</p> <p><b>Maklum balas mesyuarat:</b></p> <p>Mesyuarat mengambil maklum berkenaan cadangan tersebut dan akan mengekalkan aktiviti sedia ada yang memberi impak positif.</p> <p style="text-align: right;"><b>Makluman</b></p>
3.	Para 4.3 & m/s 7	Encik Wong Yii Seang	Kertas Terma Rujukan Kajian Rancangan	Beliau memaklumkan terdapat masalah tapak pembuangan sampah haram di lokasi

Bil	Para & M/Surat	Ahli Majlis	Perkara	Cadangan
			Kawasan Khas Seri Kembangan	<p>tersebut yang menyebabkan kawasan dipenuhi dengan air sampah yang telah mengalir dan memasuki aliran sungai. Beliau meminta MBSJ mengambil tindakan tegas terhadap isu tersebut kerana telah menyebabkan pencemaran bau dan menimbulkan masalah kesihatan kepada penduduk.</p> <p><b>Maklum balas mesyuarat:</b></p> <p>Mesyuarat memaklumkan bahawa perkara ini telah dibincangkan dan lawatan tapak bersama pihak Worldwide Holdings Berhad akan dilaksanakan pada 1 Disember 2022 bagi menilai kos pembaikan tapak.</p> <p style="text-align: right;"><b>Tindakan:</b> <b>Jabatan Pengurusan Alam Sekitar</b></p>



## 6.7 Laporan Mesyuarat Jawatankuasa Kawalan Perniagaan Majlis Bandaraya Subang Jaya Bil. 11/2022 Bertarikh 14 November 2022

Setelah meneliti dan berbincang, mesyuarat telah bersetuju menerima laporan dan keputusan yang terkandung dalam laporan tersebut dengan pindaan seperti yang berikut :

Bil	Para & M/Surat	Ahli Majlis	Perkara	Cadangan
1.	Para 3.1 & m/s 2	Encik Thamilarusu a/l Sandayan	Gerai Tanpa Permit Di Kawasan Taman Kinrara Seksyen 1 (Hadapan RKAT TUDM)	Beliau memohon supaya perkataan Taman Kinrara Seksyen 1 diubah kepada Bandar Kinrara.  <b>Maklum balas mesyuarat:</b>  Mesyuarat meminta supaya Jawatankuasa Kawalan Perniagaan membuat pindaan tersebut.  <b>Tindakan:</b> <b>Jabatan Pelesenan</b>

## **7.0 PEMBENTANGAN KERTAS MESYUARAT**

### **7.1 Kertas Cadangan Pembayaran Sagu hati Kepada Ahli Majlis Yang Telah Meletakkan Jawatan Serta Pembayaran Elaun Dan Penanggungungan Ahli Jawatankuasa / Majlis Perwakilan Penduduk (MPP) MBSJ Zon 8 dan 12. (Kertas Mesyuarat Bil.11/11/2022)**

-----  
Kertas cadangan ini telah disediakan oleh Jabatan Khidmat Pengurusan dan dibentangkan oleh Encik Ismail bin Salim, Pengarah Khidmat Pengurusan.

#### **Keputusan Mesyuarat :**

Setelah meneliti dan berbincang, mesyuarat menerima kertas cadangan tersebut dengan keputusan seperti berikut :

- i) Pembayaran sagu hati kepada Ahli Majlis yang telah meletak jawatan iaitu Encik Jaafar bin Mat Akid dan Encik Muhammad Khairil bin Khalid sebanyak satu bulan Elaun Tetap iaitu RM 2500.00;
- ii) Encik Muhammad Fauzan bin Rosli memangku tugas Encik Jaafar bin Mat Akid berkuatkuasa 1 November 2022. Pemangkuan melibatkan perkara berikut :

<b>Mesyuarat Jawatankuasa</b>	<b>Mesyuarat Jawatankuasa Kecil / Teknikal</b>	<b>Zon Majlis Perwakilan Penduduk</b>
<ul style="list-style-type: none"> <li>▪ Jawatankuasa Infrastruktur, Pengangkutan dan Kemudahan Awam</li> <li>▪ Jawatankuasa Kesihatan dan Kesejahteraan Bandar</li> <li>▪ Jawatankuasa Tender</li> <li>▪ Jawatankuasa Sebut harga</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>▪ Jawatankuasa Sampah Haram</li> </ul>	<p>MPP Zon 12 (Kampung Sri Puchong Batu 13, Kampung Bersatu, Kampung Sri Langkas, Kampung Sri Langkas Tambahan, Kampung Sri Andalas, Kampung Sri Aman Luar, Kampung Sri Aman Tengah, Kampung Sri Aman Dalam, Kampung Sri Aman Hilir, Puchong Horizon)</p>

- iii) Puan Lee Jen Uyin memangku tugas Encik Muhammad Khairil bin Khalid berkuatkuasa 4 November 2022. Pemangkuan melibatkan perkara berikut :

<b>Mesyuarat Jawatankuasa</b>	<b>Mesyuarat Jawatankuasa Kecil / Teknikal</b>	<b>Zon Majlis Perwakilan Penduduk</b>
<ul style="list-style-type: none"><li>▪ Jawatankuasa Kewangan</li><li>▪ Jawatankuasa Perkhidmatan dan Teknologi Maklumat</li><li>▪ Jawatankuasa Kemasyarakatan</li></ul>	<ul style="list-style-type: none"><li>▪ Teknikal CCTV</li><li>▪ Jawatankuasa Kecil</li><li>▪ Perundangan</li></ul>	MPP Zon 8 (Kampung Kenangan, Kampung Batu 13 ½, Kampung Tengah A, Kampung Tengah B, Kampung Kuala Sungai Baru)

- iv) Elaun tanggung kerja adalah RM 625.00 sebulan.

**Tindakan :**

**Jabatan Khidmat Pengurusan /  
Jabatan Pembangunan Masyarakat**

## **8.0 UCAPAN PENANGGUHAN**

Ucapan penangguhan telah disampaikan oleh Encik Encik Kenneth Sam a/l Saminathan, wakil daripada Parti Keadilan Rakyat (PKR).

## **9.0 PENUTUP**

Datuk Bandar mengucapkan terima kasih dan mesyuarat ditangguhkan pada jam 11.30 pagi.

Tarikh Disediakan : 1 Disember 2022

**" SELANGOR MAJU BERSAMA "**

**" MESRA, CEKAP DAN BERINTEGRITI "**

**Disediakan oleh;**

**(HJ. MOHD ZULKURNAIN BIN CHE ALI), A.M.N., A.M.S.**

Timbalan Datuk Bandar

**MAJLIS BANDARAYA SUBANG JAYA**

**Disahkan oleh;**

**(DATO' JOHARY BIN ANUAR), D.P.M.S**

Datuk Bandar

**MAJLIS BANDARAYA SUBANG JAYA**

## LAMPIRAN

### HADIR

1. YBhg. Dato' Johary bin Anuar, D.P.M.S.  
Datuk Bandar - Pengerusi
2. YBrs. Tuan Haji Mohd Zulkurnain bin Che Ali, A.M.N., A.M.S.  
Timblan Datuk Bandar - Setiausaha  
Mesyuarat
3. Tuan Ir. Rosli bin Mohammad Yunus, K.M.N., P.J.K.  
Timbalan Setiausaha

### HADIR (AHLI MAJLIS)

1. Encik Yap Kok Weng - Ahli Majlis
2. Encik M. Anbarasan a/l Murugesu - "
3. Tuan Ar. Kamarul Hisham bin Hj.Yeop Hashim - "
4. Encik Chia Yew Ken - "
5. Encik Mehanatan a/l Embamurthi - "
6. Encik Thomas Low Yew Sin - "
7. Encik Thamilarusu a/l Sandayan - "
8. Encik Wong Yii Seang - "
9. Puan Lee Jen Uyin - "

10.	Puan Ng Seow Chen	-	"
11.	Encik Thong Kim Fatt	-	"
12.	Encik Mohd Tarmizi bin Lazim	-	"
13.	Encik Teh Eng Teck	-	"
14.	Encik Mohd Fitri bin Jamaludin	-	"
15.	Puan Aniza binti Jamaludin	-	"
16.	Encik Mohamad Syafiq bin Mohamad Norizan	-	"
17.	Encik Kenneth Sam a/l Saminathan	-	"
18.	Cik Syafiqqa binti Zakaria	-	"
19.	Encik Jestin Raj Savarimuthu	-	"
20.	Encik Muhammad Fauzan bin Rosli	-	"
21.	Encik Mohamad Kamil bin Harun	-	"

### **TURUT HADIR (PEGAWAI MBSJ)**

1. Tuan Haji Mohd Fadzil bin Mahat, A.M.N., A.M.S.  
Pengarah, Jabatan Perbendaharaan
2. Tuan Dr. Roslan bin Mohammad Hussin, A.M.S.  
Pengarah, Jabatan Kesihatan
3. Tuan TPr. Ismail bin Muhamad, A.I.S.  
Pengarah, Jabatan Perancang Bandar

4. Encik Muhammad Zaki bin Yusoff  
Pengarah, Jabatan Penguatkuasaan
5. Encik Nor Azmi bin Hj Mohd Rosli, P.P.T.  
Pengarah, Jabatan Bangunan
6. Puan Nik Zalina binti Megat Muda  
Pengarah, Jabatan Pelesenan
7. Puan Hajah Sharifah Rohaida binti Abd Rahman, P.J.K.  
Pengarah, Jabatan Hasil
8. Puan Ts Azura binti Mohd Don  
Pengarah, Jabatan Pengurusan Alam Sekitar
9. Encik Samzol bin Saat  
Pengarah, Jabatan Teknologi Maklumat
10. Puan Hajah Noraizah binti Ali, K.M.N.,P.J.K.  
Pengarah, Jabatan Unit Audit Dalam
11. Sr. Nazarudin bin Mashtuki  
Pengarah, Jabatan Kontrak dan Ukur Bahan
12. Puan Rubaizah binti Mohamed Noh  
Timbalan Pengarah, Jabatan Pembangunan Masyarakat
13. Encik Farid bin Ibrahim  
Pengarah, Jabatan OSC
14. Sr. Mohd Marwan bin Khalilludin  
Pengarah, Jabatan COB
15. Puan Azlina binti Mat Salim  
Penolong Pengarah Kanan, Jabatan Landskap
16. Puan Emilia binti Nasir  
Penolong Pengarah, Unit Integriti



17. Sr. Mohd Faudzi bin Nazaruddin, MRISM  
Timbalan Pengarah, Jabatan Penilaian dan Pengurusan Harta
18. Encik Azfarizal bin Abdul Rashid  
Timbalan Pengarah, Jabatan Korporat dan Pengurusan Strategik
19. Puan Nurul Aainaa Nabilah binti Ruslan  
Penolong Pengarah, Jabatan Undang-Undang

### **TIDAK HADIR DENGAN MAAF**

1. Encik Mohan Singh a/l Surtar Singh - Ahli Majlis
2. Puan Hajah Anita binti Abd Jalil, P.P.T.  
Pengarah, Jabatan Undang-Undang
3. Sr. Aida binti Omar, A.M.S., MRISM  
Pengarah, Jabatan Penilaian dan Pengurusan Harta
4. Encik Muhammad Azli bin Miswan  
Pengarah, Jabatan Korporat dan Pengurusan Strategik

### **URUSETIA**

1. Encik Ismail bin Salim, P.J.K  
Pengarah, Jabatan Khidmat Pengurusan
2. Puan Mazura binti Mohamad  
Penolong Pengarah, Jabatan Khidmat Pengurusan
3. Puan Juliana binti Jaafar  
Penolong Pegawai Tadbir Kanan, Jabatan Khidmat Pengurusan